

43

SOALAN NO: 24

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI
KAWASAN : DUNGUN
TARIKH : 22 MAC 2018 (KHAMIS)**

SOALAN:

YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah pemulihan perkhidmatan yang melibatkan keselamatan pengguna di LPT2 seperti garisan cat pencahayaan atau reflektor, jalan berlopak dan berlubang serta pemendapan dan tiada kemudahan tunda disediakan untuk pengguna LPT2.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian bersama syarikat konsesi LPT2 Sdn. Bhd. sentiasa mengutamakan aspek keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah penambahbaikan telah diambil untuk meningkatkan mutu pemanduan pengguna lebuhraya. Antara penambahbaikan ciri-ciri keselamatan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Menambahbaik permukaan lebuhraya dengan menggunakan teknologi *Microsurfacing* bagi meningkatkan tahap geseran pada permukaan lebuhraya;
- ii. Mengenalpasti dan membuat penurapan semula terhadap beberapa lokasi permukaan lebuhraya yang didapati beralun;
- iii. Menambahbaik permukaan lebuhraya dengan menggunakan teknologi *Calcined Bauxite* berfungsi sebagai anti geseran terutama di lokasi selekoh;
- iv. Mengecat semula garisan jalan yang telah pudar bagi tujuan meningkatkan kualiti pemanduan terutamanya pada waktu malam dan waktu hujan;
- v. Pemasangan papantanda amaran (Chevron);

- 45
- vi. Pemasangan *Yellow/ Red Tranverse Bar* di Jalan Susur Keluar/ Masuk Persimpangan;
 - vii. Pemasangan pelekat pantulan cahaya di struktur Rel Adang dan Parapet Jambatan; dan
 - viii. Pemasangan *Alert Bar Marking* bagi tujuan memperlahankan had laju kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada status pembaikan jalan di sepanjang jajaran LPT2 bermula dari tarikh penswastan LPT2 sehingga kini, sebanyak 35 lokasi permukaan lebuhraya yang melibatkan jarak sepanjang 68,000 meter telah dibaikpulih. Justeru, pemantauan secara berterusan akan terus dilaksanakan oleh syarikat konsesi dalam memastikan jalan rosak dan berlubang ditampal dengan kadar segera bagi memastikan keselamatan pengguna lebuhraya terjamin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPT2 Sdn. Bhd. juga kini giat melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan permukaan lebuhraya di mana terdapat 17 lokasi pembaikan pavmen yang rosak dan beralun yang telah diambilkira di dalam program kerja pembaikan tahun 2018 dan akan dilaksanakan dalam tahun ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga penghujung tahun 2017, pihak LPT2 Sdn. Bhd. telah mengecat semula garisan jalan sepanjang 46,900 meter. Lanjutan dari itu, sebanyak 13 lokasi garisan jalan yang pudar telah dikenalpasti yang melibatkan jarak sepanjang

25,000 meter yang akan dicat semula menerusi program pembaikan tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak LPT2 Sdn. Bhd. juga telah menyediakan sebanyak 6 buah kenderaan peronda dan 2 buah kenderaan lain (Propel Intervention Team PIT – lori 1 tan) untuk memantau dan membuat rondaan di Lebuhraya LPT2 sepanjang 184km. Kenderaan peronda yang disediakan oleh syarikat konsesi juga menyediakan perkhidmatan menunda kenderaan rosak (Kelas 1) yang melalui Lebuhraya LPT2 ke kawasan selamat yang berdekatan sepertimana yang telah diperuntukkan di dalam Perjanjian Konsesi

Sekian, terima kasih.

SOALAN (25)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 MAC 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]

SOALAN :

YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pelan tindakan lengkap pencegahan yang telah, sedang atau akan dilaksanakan untuk menangani dengan berkesan isu pembuangan sampah dan objek daripada tingkat atas pangsapuri dan bangunan tinggi lain seperti pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), tindakan punitif dan sebagainya beserta kos terlibat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pangsapuri adalah diklasifikasikan sebagai kediaman jenis strata. Skim strata terbahagi kepada 2 kategori iaitu skim strata yang dijual dan skim strata yang disewa.

Bagi skim strata yang dijual, perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan dan penyenggaraan bangunan dan harta bersama dikawal selia oleh Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). **Dalam menangani isu pembuangan sampah dan objek daripada tingkat atas bangunan strata, Akta 757 telah memberi kuasa kepada JMB/MC untuk menguatkuasakan undang-undang kecil** sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga, Peraturan-peraturan Pengurusan Strata (Pengurusan dan Penyenggaraan) 2015 bagi perkara-perkara seperti berikut:

- 49
- (i) langkah-langkah keselamatan dan perlindungan;
 - (ii) butiran bagi mana-mana harta bersama yang penggunaannya dihadkan;
 - (iii) pemeliharaan binatang peliharaan;
 - (iv) tempat letak kereta
 - (v) penutup lantai;
 - (vi) kawalan sampah;
 - (vii) tingkah laku; dan.
 - (viii) pengenaan denda yang tidak melebihi RM200.00 terhadap mana-mana pemunya petak, pemilik, penghuni atau jemputan yang melanggar mana-mana undang kecil.

Kementerian dengan kerjasama pihak Pesuruhjaya Bangunan di PBT juga telah mengadakan program-program pendidikan dan kesedaran penghuni perumahan berstrata mengenai tanggungjawab dan peranan setiap individu atau penduduk di satu-satu skim strata. Program pendidikan dan kesedaran ini amat penting memandangkan perumahan berstrata mempunyai kawasan harta bersama yang perlu dikongsi dan dijaga bersama.

Bagi skim strata yang disewa iaitu yang dimiliki dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri atau PBT, **Seksyen 80, Akta 171 telah memperuntukkan bahawa PBT boleh mengambil tindakan undang-undang serta mendapatkan ganti rugi sekiranya terdapat kacau ganggu di kawasan pangsapuri.** Seksyen 82(10) Akta 171 memperuntukkan seseorang yang tidak mematuhi peruntukan kacau ganggu adalah melakukan kesalahan dan jika disabitkan kesalahannya boleh didenda tidak melebihi RM100.00 bagi setiap satu hari selama tempoh perintah kacau ganggu tidak dipatuhi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018